



SURUHANJAYA  
KOPERASI  
Malaysia

e-Buletin Koperasi

# SINOPSIS

BIL.7/2024 (HQ)

## PROGRAM **INOUASI** KEUSAHAWANAN BELIA KOPERASI 2024

(IKBK'24)

(IKBK'24)

## **JANA BAKAT KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN BELIA DALAM SEKTOR KOPERASI**





## JANA BAKAT KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN BELIA DALAM SEKTOR KOPERASI

Golongan belia dianggap sebagai aset penting dalam pembangunan negara kerana mereka adalah generasi yang akan mewarisi kepimpinan dan tanggungjawab masyarakat pada masa hadapan. Penglibatan belia dalam gerakan koperasi hingga kini dilihat masih lagi ditahap kurang memberangsangkan. Kurang kefahaman mengenai gerakan koperasi menjadi faktor utama kurangnya penyertaan belia dalam koperasi. Dalam meniti arus kemajuan semasa, gerakan koperasi sebenarnya memerlukan tenaga golongan muda dengan idea-idea baharu supaya sentiasa relevan dengan perkembangan sosioekonomi negara.



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan inisiatif dengan mewujudkan Program Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi 2024 (IBK'24) untuk mencungkil bakat keusahawanan, pembangunan modal insan serta membentuk generasi baharu pemimpin koperasi dalam kalangan belia. Program ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) dan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) yang mensasarkan golongan belia dalam sebarang program berkait dengan koperasi.



Pelaksanaan IBK'24 peringkat kebangsaan ini julung kali diadakan pada 29 hingga 30 Oktober 2024 di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengurus Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Program yang berkonsepkan pertandingan usahawan ini telah menonjolkan bakat kreatif dan inovatif golongan belia dalam membangunkan produk atau perkhidmatan sedia ada di dalam koperasi melalui pengembangan idea inovasi baharu.

Penonjolan sisi kreatif dan inovatif para belia dalam program ini banyak disokong oleh pelaksanaan mekanisme yang diperkenalkan oleh Program IKBK'24. Mekanisme ini memberi penekanan mengenai proses untuk menjadi usahawan dalam kalangan peserta dengan menilai sejauh mana setiap kumpulan mampu melaksanakan serta menjayakan rancangan perniagaan koperasi. Proses saringan dan penilaian daripada juri yang profesional dan berpengalaman daripada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).



Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program IKBK'24 ini mampu memberi impak kepada keterlibatan golongan belia dalam gerakan koperasi dengan meningkatkan penghasilan produk baharu dan memberi nilai tambah kepada perniagaan sedia ada koperasi. Koperasi juga boleh menjadikan platform ini sebagai peluang untuk membangunkan kapasiti belia agar dapat melahirkan bakat keusahawanan yang mempunyai nilai-nilai koperasi dalam kalangan belia yang merupakan anggota koperasi. Penglibatan golongan belia sangat signifikan sebagai penyumbang dalam pembangunan sosioekonomi negara dan mencapai misi DaKoM 2030.



IKBK'24 edisi sulung ini telah menobatkan Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kemaman Berhad sebagai juara bagi Anugerah Projek Terbaik dengan memperkenalkan projek Pakaian Perlindungan Diri (Personal Protective Equipment - PPE) yang unik yang dijenamakan sebagai Detachpro Coverall. Manakala, naib johan bagi Anugerah Projek Terbaik bagi Program IKBK'24 adalah Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad dengan projek pasta yang dicipta daripada sagu yang dijenamakan sebagai Metroxylon Sagu Pasta. Akhir sekali, tempat ketiga disandang oleh Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad dengan projek myTALBINAH Coffee iaitu minuman kopi probiotik yang diperbuat daripada bijirin jenis sorghum dan susu santan sawit. Anugerah Projek Terbaik bagi tempat pertama membawa pulang wang tunai sebanyak RM10,000.00, tempat kedua pula RM7,000.00 manakala tempat ketiga sebanyak RM5,000.00



Sebanyak 7 koperasi terpilih bagi menyertai sesi Pertandingan Akhir Program IKBK'24 Peringkat Kebangsaan:

1. Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad;
2. Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad;
3. Koperasi Siswa Universiti Teknologi Mara Selangor Berhad;
4. Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kemaman Berhad;
5. Koperasi Alumni UNIMAP Berhad;
6. Koperasi Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Kuantan Berhad; and
7. Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad.